

Headline	Semburan nyamuk biodiesel jimat kos PBT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,827
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,480



PUASA MD. TAIB (tengah) menerima sijil pengiktirafan sebagai PBT pertama menggunakan formulasi biodiesel untuk pengasapan nyamuk aedes daripada Ayman Izzaz pada majlis penyampaian sijil Malaysia Book of Records di Cyberjaya, Selangor, baru-baru ini.

Semburan nyamuk biodiesel jimat kos PBT

Oleh **MUZDALIFAH MUSTAPHA**
kota@utusangroup.com.my

■ **CYBERJAYA 29 JAN.**

FORMULASI biodiesel untuk pengasapan (*fogging*) nyamuk aedes wajar diperkenalkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara sebagai langkah penjimatan kos bahan pengasapan diesel yang digunakan sekarang.

Ketua Program Teknologi Biomas Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Wan Asma Ibrahim berkata, formulasi biodiesel yang dicipta daripada minyak masak terpakai itu dapat membunuh 70 peratus nyamuk dewasa hanya dalam tempoh satu jam.

Beliau berkata, turut diberi penekanan dalam ciptaan itu adalah pengurangan kesan toksik hidrogen sulfat dalam pengasapan diesel sedia ada terhadap manusia.

“Daripada minyak masak ter-

pakai ia diformulasikan kepada biodiesel biasa. Asapnya juga wangi dan tidak memedihkan mata serta tidak memberi kesan pada kulit manusia.

“Jika semua PBT menggunakan formulasi ini dijamin dapat mengurangkan kos perubatan dan rawatan kakitangan yang mengendalikan pengasapan selain menjimatkan kos pembelian bahan pengasapan yang agak tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis penyampaian sijil *Malaysia Book of Records* (MBOR) kepada kumpulan penyelidik Program Biomas Teknologi dan Majlis Perbandaran Sepang (MPS) di sini.

Pada majlis itu, Yang Dipertua MPS, Datuk Puasa Md. Taib menerima sijil pengiktirafan MBOR daripada Penolong Pengurus MBOR, Ayman Izzaz.

Wan Asma berkata, MPS merupakan PBT pertama yang menggunakan formulasi tersebut dan

dalam tempoh setahun pihaknya berjaya mengurangkan kadar lokaliti atau *hotspot* pembiakan nyamuk aedes di Sepang.

Sementara itu, Puasa berkata, projek pengasapan melalui formulasi biodiesel yang bernilai RM168,000 itu terbukti memberi kesan positif kepada MPS dalam melakukan penjimatan khususnya untuk pembelian bahan dan tanggungan kesihatan.

Bagaimanapun, katanya, MPS masih belum berupaya untuk membeli minyak masak terpakai dalam kuantiti yang banyak daripada pengusaha-pengusaha restoran di sekitar Sepang.

“Dalam tempoh setahun ini, MPS hanya dapat kikir lima kilogram minyak masak terpakai sebulan. Sebab itu kita tidak boleh melakukan pengasapan menggunakan biodiesel untuk seluruh kawasan di Sepang,” katanya.